



FELDA HOLDINGS BHD
(358158-V)

e-Daftar FAQ

SOALAN-SOALAN LAZIM E-DAFTAR (JUN 2009)

Isi Kandungan

1.0 Klasifikasi Sistem Komputer	2
2.0 Sistem E-daftar	2-3
3.0 Sessi Temuduga.....	4-5
4.0 Sijil Akuan Pendaftaran Vendor	6



FELDA HOLDINGS BHD (358158-V)

1.0 Klasifikasi Sistem Komputer

1.1. Perisian

Apakah perisian yang perlu untuk menggunakan e-daftar?

- a) Sistem Operasi -Microsoft Windows 2000, XP, Vista (Service pack terkini)
- b) Pelayar Web -Perisian Internet Explorer 6.0 dan ke atas, Mozilla Firefox
- c) Perisian Adobe Reader 7.0.

1.2. Perkakasan

Apakah perkakasan yang perlu untuk menggunakan e-daftar?

- a) Set Komputer (Pentium III dan ke atas)
- b) Talian Internet (Keutamaan berkelajuan 512Kbps keatas)

2.0 Sistem e-Daftar

2.1. Apa itu e-Daftar?

e-daftar adalah satu kaedah pendaftaran syarikat oleh FELDA Holdings Bhd. secara elektronik dan berpusat melalui Internet.

2.2. Siapa yang perlu mendaftar?

- a) Vendor yang berminat berurusan dengan FELDA Holdings Bhd & Syarikat Kumpulan FELDA, wajib mendaftar menggunakan sistem e-daftar.
- b) Syarikat/Perniagaan yang berdaftar/ diperbadankan di Malaysia sahaja. Seperti Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM).

2.3. Siapakah yang tidak perlu mendaftar?

Jenis-jenis perniagaan yang tidak perlu berdaftar dengan FELDA HOLDINGS BHD ialah:

1. FIRMA GUAMAN
2. FIRMA PERUNDING/BADAN PROFESIONAL
3. FIRMA/ AGEN INSURANS
4. HOSPITAL/ KLINIK
5. HOTEL/RESORT/RESTORAN
6. INSTITUSI/ PERUNDING LATIHAN DAN PUSAT PEMBELAJARAN
7. AGENSI KERAJAAN/GLC
8. PEMBELI BARANGAN HASIL SYARIKAT KUMPULAN FELDA
9. PEMBEKAL BAHAN MENTAH (BTS/GETAH SEKERAP/ISI SAWIT/ KOKO dll)
10. FIRMA BROKER
11. PEMBEKAL TUNGGAL (*Sole Agent*)
12. SYARIKAT/AGEN PENGANGKUTAN LAUT & UDARA SERTA 'FORWARDING AGENT'
13. PEMBEKAL SENJATA DAN AKSESORINYA



FELDA HOLDINGS BHD (358158-V)

2.4. Bagaimanakah proses pendaftaran?

1. Lawati laman web e-Daftar (<http://edaftar.felda.net.my>)
2. Isi borang dengan lengkap dan tepat. Borang pendaftaran yang tidak lengkap akan menyebabkan pendaftaran dibatalkan.
3. Cetak pengesahan penerimaan e-Daftar dan dibawa bersama semasa sesi temuduga sebagai bukti pendaftaran dan rujukan.
4. Pihak Felda Holdings Bhd. akan menghubungi anda bagi sesi temuduga.

2.5. Berapakah yuran pendaftaran?

Setiap permohonan dikenakan Bayaran Pemprosesan sebanyak **RM 50.00 (tidak dikembalikan)**. Bayaran hanya boleh dibuat dalam bentuk **Kiriman Wang / Wang Pos / Bank Draf** atas nama **FELDA HOLDINGS BHD** dan dibawa semasa sesi temuduga.

PENTING!!

Sila catatkan nama syarikat dan nombor pendaftaran syarikat (ROC) anda di belakang Kiriman Wang / Wang Pos / Bank Draf tersebut untuk tujuan penyelarasan status bayaran.

2.6. Bagaimanakah saya boleh mengetahui status permohonan pendaftaran saya?

Anda boleh mengetahui status permohonan pendaftaran anda dengan cara log masuk ke sistem e-Daftar menggunakan ID log masuk dan katalaluan yang telahpun anda wujudkan semasa mengisi borang pendaftaran secara online atau hubungi talian bantuan kami dan sertakan nombor pendaftaran syarikat anda.

PERHATIAN:

Sila pastikan ID log masuk dan katalaluan anda disimpan bagi rujukan anda di masa akan datang.

2.7. Bagaimana saya boleh mendapat bantuan semasa proses e-Daftar?

Untuk pertanyaan dan bantuan:

Tel: 03-2693 7010 / 6671 / 4349

Faks ke nombor : 03-2693 4330

E-mel: edaftar@felda.net.my

Alamat : Felda Holdings Bhd, Bahagian Perolehan, Tingkat 3, Balai Felda, Jalan Gurney 1, 54000 Kuala Lumpur.

2.8. Apakah yang perlu saya lakukan selepas saya sudah menghantar borang e-Daftar secara online?

Cetak dan simpan salinan pendaftaran untuk rujukan anda dan bukti pendaftaran.

2.9. Berapa lama pendaftaran vendor secara online akan dibuka?

Pendaftaran hanya dibuka **dua kali setahun** dan setiap sesi pendaftaran dibuka selama **satu bulan**. (Kebiasaanya pada bulan **Jun** dan **Disember** setiap tahun)



FELDA HOLDINGS BHD (358158-V)

3.0 Sessi Temuduga

3.1. Siapakah yang akan dipanggil untuk temuduga?

Pemohon-pemohon yang telah mendaftar dengan lengkap akan dipertimbangkan untuk ditemuduga.

3.2. Kenapa saya tidak dipanggil temuduga walaupun telah menghantar borang secara online?

Pastikan maklumat yang diisikan adalah lengkap dan tepat. Maklumat yang tidak lengkap dan tidak tepat, menyebabkan borang anda tidak diproses.

3.3. Bagaimana saya boleh mengetahui saya layak untuk ditemuduga?

Pihak FELDA Holdings Bhd akan menghantar surat temuduga **atau** menghubungi anda di alamat dan nombor telefon seperti yang telah anda daftarkan. (Sila pastikan alamat surat menyurat dan nombor telefon anda tepat dan terkini)

3.4. Bilakah saya akan dipanggil temuduga?

Dua minggu selepas anda mendaftar, pemohon-pemohon yang layak akan diberikan surat panggilan temuduga dan juga akan dihubungi melalui telefon. Namun tempoh panggilan temuduga bergantung kepada bilangan yang memohon.

3.5. Apa yang perlu saya bawa semasa sesi temuduga?

Kesemua salinan asal dokumen di bawah perlu di bawa ketika menghadiri temuduga:

a. Pemilikan Tunggal / Perkongsian

1. Maklumat Perniagaan dan Pemilik Semasa
2. Perakuan Pendaftaran - Borang D
3. Lesen Berniaga - Borang B (Sabah)
4. Lesen Perdagangan - Borang I (Sarawak)
5. Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)
6. Sijil Pendaftaran Pusat Khidmat Kontraktor (PKK)
7. Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan (MOF)
8. Penyata Bank Bagi Tiga (3) Bulan Terakhir
9. Surat Kemudahan Kewangan daripada Institusi Kewangan/Pembekal
10. Salinan Dokumen Berkaitan Dengan Pengalaman Kerja (LA/SPK/PO)
11. Bayaran Wang Pos / Bank Deraf / Kiriman Wang sebanyak RM50.
12. Cetakan Salinan Pendaftaran Online



FELDA HOLDINGS BHD (358158-V)

b. Berhad / Sendirian Berhad

1. Borang 9 - Akta Syarikat 1965
2. Borang 13 (jika berkenaan) - Akta Syarikat 1965
3. Borang 24 - Akta Syarikat 1965
4. Borang 49 - Akta Syarikat 1965
5. Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)
6. Sijil Pendaftaran Pusat Khidmat Kontraktor (PKK)
7. Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan (MOF)
8. Penyata Bank Bagi Tiga (3) Bulan Terakhir
9. Surat Kemudahan Kewangan daripada Institusi Kewangan/Pembekal
10. Salinan Dokumen Berkaitan Dengan Pengalaman Kerja (LA/SPK/PO)
11. Bayaran Wang Pos / Bank Deraf / Kiriman Wang sebanyak RM50.
12. Cetakan Salinan Pendaftaran Online

c. Pertubuhan / Koperasi

1. Sijil Perakuan Pendaftaran Koperasi/Persatuan/Pertubuhan
2. Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)
3. Sijil Pendaftaran Pusat Khidmat Kontraktor (PKK)
4. Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan (MOF)
5. Penyata Bank Bagi Tiga (3) Bulan Terakhir
6. Surat Kemudahan Kewangan daripada Institusi Kewangan/Pembekal
7. Salinan Dokumen Berkaitan Dengan Pengalaman Kerja (LA/SPK/PO)
8. Bayaran Wang Pos / Bank Deraf / Kiriman Wang sebanyak RM50.
9. Cetakan Salinan Pendaftaran Online

3.6. Bagaimana saya boleh mengetahui status temuduga saya?

Anda boleh mengetahui status temuduga anda dengan melayari web e-daftar selepas **2 bulan** dari tarikh temuduga. Namun ianya bergantung kepada sebarang perubahan yang akan dimaklumkan kemudian.

3.7. Dimanakah lokasi temuduga?

Lokasi temuduga*:

1. Kuala Lumpur (Balai Felda).
2. Johor
3. Pahang
4. Terengganu
5. P.Pinang
6. Sarawak
7. Sabah

*Tempat dan masa akan dimaklumkan kemudian.



FELDA HOLDINGS BHD (358158-V)

4.0 Sijil Akaun Pendaftaran Vendor

4.1. Apakah itu Sijil Akaun Pendaftaran Vendor?

Sijil akaun pendaftaran vendor dikeluarkan bagi pemohon-pemohon yang telah berjaya dalam sesi temuduga. Sijil ini boleh digunakan untuk kesemua Syarikat Kumpulan FELDA.

4.2. Bagaimana saya boleh mengetahui bila sijil saya dikeluarkan?

Selepas ditemuduga dan sekiranya anda layak, pihak FELDA Holdings Bhd akan membuat penghantaran sijil melalui pos biasa. Anda dikehendaki memaklumkan kepada pihak kami sekiranya ingin mengambil sendiri.

4.3. Apakah kegunaan Sijil akaun pendaftaran vendor?

Bagi vendor yang telah memperolehi Sijil akaun pendaftaran vendor, mereka berkelayakan dan berpeluang untuk berurusan dengan FELDA Holdings Bhd dan Syarikat Kumpulan Felda.

4.4. Bilakah Sijil akaun pendaftaran vendor saya akan luput?

Sijil akaun pendaftaran vendor adalah sah bagi tempoh 2 tahun dari tarikh Sijil Pendaftaran dikeluarkan.

4.5. Bagaimana saya boleh mengetahui tarikh luput Sijil akaun pendaftaran vendor?

Anda boleh melihat tarikh luput Sijil akaun pendaftaran vendor anda dengan menyemak tarikh seperti yang tercetak pada Sijil Pendaftaran anda.

4.6. Sijil akaun pendaftaran vendor saya telah hilang/rosak.

Vendor boleh memohon untuk mendapatkan sijil pendaftaran baru bagi penggantian sijil pendaftaran yang hilang/rosak. Bayaran pemprosesan sebanyak RM30.00 akan dikenakan.

4.7 Kenapa gred bidang saya dalam Sijil Akaun Pendaftaran FHB tidak sama dengan gred CIDB?

Gred Sijil Akaun Pendaftaran FHB adalah berdasarkan nilai pengalaman kerja syarikat untuk 3 tahun terakhir dan keupayaan kewangan syarikat termasuk penyata akaun untuk 3 bulan terakhir, kemudahan overdraf dan simpanan tetap.

Pastikan anda mengisi bahagian pengalaman kerja dan nilai pengalaman kerja dengan lengkap di dalam pendaftaran online bagi membolehkan gred bidang syarikat anda dikira secara automatik di dalam sistem e-daftar.



FELDA HOLDINGS BHD (358158-V)

4.8 Berapakah nilai kerja mengikut gred Felda Holdings Bhd.?

Vendor bagi bidang Kejuruteraan dan Pertanian digredkan mengikut pengalaman dan keupayaan kewangan seperti berikut:-

Gred	Keupayaan Menender (RM)		
1	SEHINGGA 50,000		
2	MELEBIHI 50,000	SEHINGGA	100,000
3	MELEBIHI 100,000	SEHINGGA	300,000
4	MELEBIHI 300,000	SEHINGGA	500,000
5	MELEBIHI 500,000	SEHINGGA	1,000,000
6	MELEBIHI 1,000,000	SEHINGGA	3,000,000
7	MELEBIHI 3,000,000	SEHINGGA	5,000,000
8	MELEBIHI 5 JUTA		

4.9 Adakah saya perlu membawa Sijil Akuan Pendaftaran ketika membeli borang tender?

Ya, Sijil Akuan Pendaftaran hendaklah ditunjukkan semasa mengambil dokumen tender/sebutharga mengikut kepala/sub-kepala (bidang) yang diluluskan sahaja.

Salinan sijil hendaklah dikemukakan bersama-sama dokumen tender/sebutharga.

5.0 Dimanakah saya boleh mengetahui iklan-iklan tender Felda Holdings Bhd.?

Iklan-iklan tender Syarikat Kumpulan Felda Holdings Bhd. boleh didapati di dalam akhbar Utusan Malaysia dan New Straits Times pada setiap hari Isnin.